



PROFESOR DR.
ABANG ZAINOREN BIN
ABANG ABDURAHMAN

"The best institution in transforming people"



Abang Zainoren bin Abang Abdurahman dilihat mempunyai karakter yang tegas. Pengiktirafan dunia kesjaranaan dan akademik yang membawa gelaran hormat Profesor Dr. Abang Zainoren bin Abang Abdurahman tidak pernah menjadikan beliau janggal dalam bersosial, baik dalam bermasyarakat di kejiranan mahupun di dalam dunia kepimpinan akademik. Insan yang dilahirkan pada 1hb November 1963 ini merendah hati apabila dijuluki sebagai antara alumni Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Sarawak (UiTMCS) yang berjaya dalam kepimpinan akademik di universiti. Anak kelahiran Wilayah Sarawak ini sentiasa positif dalam mengamati kehidupan mencabar pada masa kini.



Penyandang mantan jawatan Timbalan Rektor (TREK) di Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTMCS ini sentiasa berpegang kepada prinsip “The Best Institution in Transforming People”. Prinsip ini memastikan rasa cinta beliau kepada UiTMCS adalah malar segar dalam tekad menyumbang bakti kepada anak bangsa.



Beliau yang juga penerima pelbagai anugerah antaranya Best Entrepreneurship Mentor (Academia) Award, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UiTM bagi tahun 2015, 2017 dan 2021 serta sejumlah Anugerah Pengurusan Kualiti UiTMCS yang merangkumi kategori Penyelidikan Terbaik, Projek Konsultan Paling Aktif, serta Penjanaan Pendapatan Terbaik amat merendah hati menerima Darjah Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak - Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K.) yang dianugerahkan kepada beliau pada tahun 2020. Meniti hari-hari persaraan pada akhir tahun 2023 yang lalu, beliau terlihat bahagia apabila menjadi Penerima Anugerah Khas bagi Penyelidik Terbaik (Sains Sosial & Kemanusiaan), Anugerah Akademik Universiti (AAU) bagi tahun 2022.



Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

PROFESOR DR. ABANG ZAINOREN ABANG ABDURAHMAN

TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN & JARINGAN INDUSTRI (PJI)

atas kenaikan pangkat ke jawatan

PROFESOR GRED KHAS C (VK7)

dalam bidang Pemasaran

berkuat kuasa pada mulai 17 Ogos 2022

daripada

REKTOR DAN SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK



Terbitan: Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Sarawak

Unleashing Potentials
Shaping the Future



<https://sarawak.uitm.edu.my> [uitmsarawak_official](#) Rektor UiTM Cawangan Sarawak Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak

“Semoga maju jaya dan sentiasa cemerlang dalam mengubah ‘zero’